

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

### DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL  
[ KANGAR ]**

**TARIKH : 24.10.2016 (ISNIN)**

**NO. SOALAN : 24**

**YB Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan berapakah jumlah pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang telah mendapatkan sijil halal serta sejauh manakah pengusaha IKS telah berjaya kuasai pasaran global.**

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga Disember 2015, sebanyak 6,548 buah syarikat telah mendapatkan sijil halal. Daripada jumlah tersebut, pengusaha industri kecil dan sederhana (IKS) adalah sebanyak 2,412 buah syarikat (37%).
2. Pada tahun 2015, nilai eksport negara berjumlah RM777.4 bilion dengan pecahan sebanyak 5.07% iaitu RM39.4 bilion merupakan nilai eksport bagi produk halal negara. Daripada pecahan tersebut, pengusaha

IKS halal telah menyumbang sebanyak RM5.3 bilion manakala jumlah syarikat IKS halal yang berjaya menembusi pasaran global ialah 745 buah (31%) berbanding 2,412 buah syarikat secara keseluruhannya.

3. Bagi tempoh Januari hingga Jun 2016 pula, jumlah eksport halal bernilai RM15 bilion. Daripada pecahan tersebut, pengusaha IKS halal telah menyumbang sebanyak RM1.9 bilion (13%) dalam usaha menguasai pasaran global.

Tuan Yang di-Pertua

4. Dalam usaha Kerajaan membantu PKS untuk meningkatkan kemampuan bersaing di pasaran antarabangsa, MITI melalui SME Corp. Malaysia turut melaksanakan Business Accelerator Programme (BAP) yang merupakan program bersepadu dan komprehensif dengan tujuan untuk meningkatkan pembangunan PKS secara menyeluruh.

5. Melalui skim ini, PKS akan dibantu melalui khidmat nasihat perniagaan dan keperluan teknikal, akses kepada pembiayaan serta kos berkaitan persijilan, termasuk persijilan halal. Berdasarkan rekod, sebanyak 233 PKS telah dibantu untuk mencapai pematuhan kepada persijilan sepanjang tahun 2011 sehingga September 2016, dengan jumlah bantuan kewangan yang diluluskan sebanyak RM3.49 juta.

6. Selain itu, bagi tujuan membangun dan meningkatkan keupayaan PKS tempatan dalam industri Halal khususnya kepada syarikat yang terlibat dalam penyediaan makanan dan minuman, Program Mentor PKS

turut dilaksanakan. Ianya merupakan satu kerjasama strategik di antara SME Corp. Malaysia, Nestlé Malaysia dan Halal Industry Development Corporation (HDC). Program ini menawarkan peluang kepada PKS untuk menimba pengalaman dan pengetahuan daripada Nestlé Malaysia dalam menerokai dan meningkatkan prestasi perniagaan mereka sehingga ke peringkat global, khususnya dalam prosedur halal, amalan terbaik dan juga persediaan bagi PKS menjadi pembekal yang cekap dan efektif untuk syarikat multinasional.